

## MAKLUMAT LANJUT

Hubungi:

No. Tel.  : 2240166/7/8/9

Sambungan  : 334, 336, 369, 373

No. Faks  : 2241958

Layari:

 : Terbitan Pusat Sejarah Brunei

 : terbitanpusatsejarahbrunei

 : www.pusat-sejarah.gov.bn

### BORANG PENGHANTARAN ESEI

Kepada,  
**Editor Jurnal Darussalam**  
**Bahagian Penerbitan dan Pemasaran**  
Pusat Sejarah Brunei  
Jalan James Pearce  
Bandar Seri Begawan BS8610  
Negara Brunei Darussalam

Dengan penuh hormat bersama ini disertakan satu (1) salinan cetak (*comb binding*) dan satu (1) salinan liut dalam cakera padat esei saya sendiri untuk dimuatkan ke dalam *Jurnal Darussalam*.

Tajuk Esei:

1.

2.

Nama Penuh:

Nombor Kad Pintar:

Warna:

(Sila sertakan salinan)

Alamat Persuratan:

Nombor Telefon:

(R)

(P)

(B)

E-mel:

Sehubungan itu suka cita saya memberikan kebenaran kepada pihak penerbitan untuk membuat sebarang perubahan/pindaan terhadap isi kandungan esei yang bertajuk di atas. Saya berharap esei seumpama ini akan dapat memberi manfaat kepada pembaca dan penyumbang ke arah kepelbagaiannya ilmu sejarah.

Tandatangan & Tarikh:



### GARIS PANDUAN PENULISAN



پوسٹ سجارہ بروئی  
PUSAT SEJARAH BRUNEI  
Pusat Kelestarian Sejarah dan Kebudayaan Brunei  
Kementerian Budaya, Muda dan Sukan  
Brunei Darussalam

## PENGENALAN

Jurnal Darussalam merupakan sebuah jurnal sejarah yang bersifat ilmiah terbitan Pusat Sejarah Brunei. Jurnal ini mula diterbitkan secara berkala pada tahun 1992 dan mula diterbitkan sekali dalam setahun pada tahun 2006. Pengungkayahan penerbitan jurnal ini adalah salah satu inisiatif berterusan Pusat Sejarah Brunei dalam melaksanakan peranannya sebagai sebuah institusi kerajaan yang memelihara dan melestarikan sejarah khususnya sejarah tanah air.

## OBJEKTIF

- Menjadikan *Jurnal Darussalam* sebagai arena atau medan perbahasan dan perbincangan sejarah bagi memajukan dan menerokai alam persejarahan di Negara Brunei Darussalam.
- Memperkaya hasil kajian dan penyelidikan sejarah Brunei yang bersifat ilmiah dalam pelbagai bidang kajian sejarah bagi manfaat penyelidikan, rujukan dan bahan bacaan.
- Memberi peluang kepada para pengkaji untuk mengemukakan pandangan atau pendapat yang bersifat intelektual dan komprehensif seterusnya menarik minat agar terus bergiat aktif berkecimpung dalam bidang penulisan sejarah.
- Mengenal pasti pengkaji dan penulis sejarah tanah air yang mempunyai kepakaran, potensi dan minat mendalam dalam bidang pengkajian dan penulisan sejarah agar dapat menjadi pemimpin untuk generasi seterusnya.
- Mempromosi *Jurnal Darussalam* sebagai sebuah jurnal yang memberikan sumber persejarahan negara khususnya kepada rakyat dan penduduk di negara ini.

## SKOP KAJIAN

- Tema kajian adalah bebas dan mestilah mengandungi ciri-ciri pengamatan yang kritis terhadap skop kajian merangkumi seluruh aspek persejarahan Brunei yang belum dikaji atau dianalisis sama ada sejarah politik, sosial, ekonomi dan budaya.
- Tempoh kajian adalah bermula dari zaman awal Brunei hingga kini.

## SYARAT KHUSUS PENULISAN ESEI SEJARAH

- Esei hendaklah berpandukan ilmu fakta yang dapat dipertanggungjawabkan, benar dan tahan uji.
- Esei belum pernah diterbitkan.
- Esei yang dihantar bukanlah manuskrip yang dihantar kepada penerbit lain.
- Esei yang dihantar hendaklah tidak sama dengan mana-mana eseи yang telah diterbitkan (dalam format bercetak atau digital), sama ada keseluruhan atau sebahagianya dalam bahasa Melayu atau bahasa-bahasa lain.
- Esei yang dihantar sama ada dalam bahasa Melayu (menggunakan versi Sistem Ejaan Rumi Baharu yang terkinи) atau dalam bahasa Inggeris.
- Esei hendaklah memuatkan dua (2) abstrak, iaitu dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, setiap satunya tidak lebih daripada 200 patah perkataan. Setiap abstrak hendaklah menyenaraikan tidak lebih daripada lima (5) kata kunci.
- Esei yang dihantar hendaklah sebanyak 15 hingga 30 halaman. Esei ditemui menggunakan program Word, fon Times New Roman bersaiz 12, jarak langkau 1.5 pada satu halaman kertas saiz A4, dan nota kaki ditemui menggunakan fon Times New Roman bersaiz 10.
- Manuskrip hendaklah mengikut Format Penulisan Ilmiah seperti penggunaan huruf besar, format rujukan, jadual, rajah, gambar, lukisan atau peta.
- Manuskrip yang dihantar akan dinilai oleh tim editorial jurnal mengikut format yang sesuai dan syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- Esei boleh dihantar melalui e-mel [bpm@pusat-sejarah.gov.bn](mailto:bpn@pusat-sejarah.gov.bn) berserta dengan Borang Penghantaran Esei yang boleh dimuat naik melalui kod QR **ATAU** eseи juga boleh dihantar dalam bentuk salinan cetak (disertakan dengan satu borang penyerahan yang lengkap) ke alamat yang tertera dalam Borang Penghantaran Esei.

## HAK CIPTA

Hak cipta terhadap karya (esei) yang dikirim adalah dipegang oleh penulis sendiri, tetapi Pusat Sejarah Brunei mempunyai hak pertama untuk menerbitkannya dalam apa jua bentuk.

## HONORARIUM

Setiap eseи yang diterbitkan akan diberikan honorarium.

## FORMAT PENULISAN ESEI

### TAJUK

Ringkas, spesifik dan menepati isi kandungan yang dibincangkan.

### MAKLUMAT PENULIS

- Nama diletakkan di bawah tajuk dengan diselangkan satu baris.
- Nama institusi dan e-mel penulis diletakkan di bawah nama penulis.
- Jarak langkau antara nama penulis dan abstrak adalah 2.0.

### ABSTRAK

- Ringkasan mengenai keseluruhan isi kajian dan penyelidikan.
- Ditulis dalam dua (2) versi: bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.
- Jumlah patah perkataan tidak lebih 200 patah perkataan. Setiap abstrak hendaklah disertakan lima (5) kata kunci.

### KANDUNGAN ISI

#### Pengenalan

- i. Latar belakang mengenai tajuk yang diuraikan secara padat dan jelas.
- ii. Menyentuh mengenai hipotesis yang ingin dibincangkan dalam kajian.

#### Isi

- i. Mengandungi beberapa subtajuk analisis kajian dan setiap subtajuk terdiri daripada teks, gambar, rajah, carta atau sumber rujukan (nota kaki).

#### Kesimpulan

- i. Penemuan kajian, pandangan, saranan atau cadangan pengkaji untuk penyelidikan yang akan datang.

### BIBLIOGRAFI

- Diletakkan selepas Kesimpulan (pada halaman baru).
- Sumber rujukan adalah termasuk buku, jurnal, majalah, akhbar, laporan, dokumen, laman sesawang, kertas kerja dan temu bual.

### LAMPIRAN (JIKA ADA)

Dilampirkan selepas Bibliografi iaitu pada halaman terakhir eseи.